

23 JUN 2001

Mahathir-PAS

PAS PENGHALANG KEMAJUAN MELAYU, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti PAS merupakan satu daripada faktor yang menghalang kemajuan orang Melayu apabila mendidik golongan muda bahawa pendidikan selain agama adalah pendidikan orang kafir.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno berkata sikap sedemikian telah ditanam oleh parti pembangkang itu sejak anak-anak masih belajar di tadika lagi.

"Daripada dalam tadika dah diajar anak-anak itu supaya benci, benci kepada Umno, benci kepada pemimpin Umno dan jangan belajar ini kerana ini sekular. Belajar Matematik sekular, belajar Sains sekular, ini semua pelajaran orang kafir.

"Orang ini menjadi penghalang kepada pencapaian orang Melayu yang berbakat ini. Mereka menghalang orang Melayu daripada mencapai kejayaan," katanya dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata apabila PAS menuduh Umno sebagai kafir, parti pembangkang itu sebenarnya bertujuan menentang segala usaha Umno untuk memajukan negara ini dan menjadikan orang Melayu sebagai orang Islam yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang telah maju.

Beliau berkata kerana golongan seperti PAS inilah, negara-negara Islam di dunia ini begitu mundur dan mudah ditindas oleh kuasa besar.

"Sebabnya ialah apabila ada saja pemerintah negara Islam yang cuba memodenkan negara dengan memperkenalkan ilmu-ilmu yang dianggap penting untuk pembangunan negara, maka akan muncullah satu kumpulan yang akan menentang, menentang segala usaha ini kerana kononnya usaha ini tidak Islam," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata tindakan PAS mengkafirkan Umno itu juga telah menyebabkan wujudnya kumpulan yang berani bertindak untuk menjatuhkan kerajaan melalui kekerasan.

"Dan kita lihat sudah ada kumpulan yang sudah sanggup mencuri senjata untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan. Inilah kesan mengkafirkan orang Umno supaya darah orang Umno ini dihalalkan bagi mereka yang tidak berprinsip, yang tidak berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sekiranya perkara itu tidak dihalang maka akan lebih ramai lagi yang akan percaya bahawa membunuh orang Umno itu halal kerana orang Umno adalah kafir.

Beliau juga berkata timbalan presiden PAS Hadi Awang cuba menipu orang Melayu dan Cina berhubung bentuk negara Islam jika mereka menjadi kerajaan.

Katanya dalam halaman berbahasa Inggeris Harakah yang sudah tentu ditujukan kepada pembaca Cina, Menteri Besar Terengganu itu menjawab soalan adakah PAS akan menghapuskan sistem mahkamah sivil jika berkuasa.

Hadi menjawab: Malaysia negara pelbagai kaum dan berbeza dengan Arab Saudi dan Sudan, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir mencabar PAS supaya membuat kenyataan itu dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Cina serta Tamil.

-- BERNAMA

NM ZS LAT